

**Anwar Tolak Dakwaan Tidak Sokong Bersih**  
**mStar Online**  
**Jun 21, 2011**  
**Oleh NURUL AIN MOHD HUSSAIN**

**KUALA LUMPUR:** Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Isnin berdolak-dalik dengan menolak dakwaan beliau tidak menyokong Perhimpunan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) 2.0 yang akan diadakan 9 Julai ini.

Sebaliknya, beliau menegaskan kenyataannya telah disalah tafsir oleh media dan beliau sentiasa menyokong Perhimpunan Bersih 2.0.

"Bukan... saya menyokong kedudukan dia (Pengerusi Bersih 2.0) Datuk S. Ambiga supaya Perhimpunan Bersih ini perlu diteruskan. Ini jelas satu salah faham.

"Apa yang saya cakap telah disalah tafsir... Saya cakap sekiranya proses pilihan raya kita bersih dan adil sudah pasti tidak perlu adakan Perhimpunan Bersih," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan, Ambiga yang menolak cadangan Anwar yang dikatakan meminta perhimpunan pada 9 Julai ini dibatalkan jika Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berjanji bahawa pilihan raya umum diadakan secara bersih dan adil.

Sehubungan itu bekas Presiden Majlis Peguam itu menegaskan perhimpunan berkenaan akan diteruskan seperti yang dirancang dan keputusan untuk membatalkannya bukan ditangan Anwar.

Mengulas lanjut, Anwar yang juga Ketua Umum Pakatan Rakyat (PR) berkata, jika media sengaja cuba untuk melaga-lagakan beliau dan Ambiga ternyata usaha tersebut tidak berjaya.

"Saya seorang demokrat, saya bukan pemimpin Umno. Saya kata semalam, kalau pilihan raya itu bersih dan adil tak perlu ada perarakan dan demonstrasi. Tapi liputannya berbeza seolah-olah saya tak setuju dengan perarakan tak benar," katanya.

Justeru, Anwar berkata sebagai tanda sokongannya beliau akan hadir dan menyertai perarakan yang diadakan pada 9 Julai ini.

Perhimpunan Bersih 2.0 akan diadakan di tiga lokasi iaitu pusat membeli belah Sogo, Masjid Kampung Baru dan Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Dianggarkan lebih 57 pertubuhan bukan kerajaan (NGO), akan menyertai perhimpunan tersebut.

Selain itu, Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) dan Pemuda Umno turut melancarkan demonstrasi pada tarikh yang sama bagi membantah perarakan tersebut

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/21/mstar\\_berita/20110621152134&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/21/mstar_berita/20110621152134&sec=mstar_berita)